

# Tanah Rizab Melayu di Johor meningkat

PH. 8/9/2017  
MS. 38

➔ **Pewartaan status sesuatu kawasan kekal, tidak boleh dibatal**

**Oleh Zuraidah Mohamed**  
zmohamed@bh.com.my

► **Iskandar Puteri**

**K**eluasan tanah berstatus rizab Melayu di Johor meningkat kepada lebih 555,527.859 hektar sehingga 31 Julai lalu, iaitu 29.4 peratus daripada keluasan negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata keluasan itu meningkat 251.844 hektar, daripada 555,276.015 hektar yang diumumkan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Mei lalu.

Berdasarkan perangkaan dikeluarkan Pejabat Tanah dan Galian Johor (PTG), daerah Kota Tinggi mencatat keluasan ta-

nah rizab tertinggi iaitu 128,255.339 hektar, diikuti Muar (80,064.313 hektar) dan Segamat (62,090.819 hektar)

“Tanah yang diwartakan atau diluluskan menjadi tanah rizab Melayu akan kekal selamanya menjadi tanah rizab Melayu. Ini bermakna tanah ini tidak boleh dibatalkan dan digantikan dengan sewenang-wenangnya.

## **Johor tempat pertama**

“Walaupun Johor menduduki tempat yang pertama dari sudut menarik pelaburan dalam dan luar negara ke negeri ini, kepentingan untuk memelihara rizab Melayu ini tetap menjadi keutamaan kerajaan.

“Atas sebab itu, kerajaan negeri menetapkan mana-mana tanah yang hendak dibuat pembatalan perlu digantikan dengan tanah yang sifatnya sama atau lebih baik dari segi keluasan dan nilai,” katanya pada sidang DUN Johor yang ke-13 di sini, semalam.

Mohamed Khaled berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rengit (BN), Ayub Jamil berhubung jumlah keluasan tanah rizab Melayu dan peran-

cangan kerajaan negeri bagi menambah keluasan itu.

Mohamed Khaled berkata, kerajaan negeri sangat serius melihat isu berkenaan dengan setiap permohonan penggantian yang hendak dibawa untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri perlu diperhalusi di peringkat PTG terlebih dulu.

“Atas sebab itu, dari 2013 hingga kini, kerajaan negeri hanya meluluskan empat permohonan pembatalan dan penggantian tanah rizab Melayu membabitkan keluasan 10.56 hektar.

“Bagi menjaga pemilikan tanah rizab Melayu dan memastikan sentiasa bertambah, beberapa langkah proaktif diambil yang mana tanah kerajaan dikurniakan kepada orang Melayu adalah disyaratkan untuk dijadikan sebagai tanah pegangan Melayu mengikut Seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu 1936,” katanya.

Katanya, melalui seksyen ini, kemasukan rizab Melayu perlu melalui proses pewartaan sebanyak dua kali iaitu kali pertama hebahan kepada awam dan pewartaan kali kedua bertujuan memuktamadkannya.



Mohamed Khaled Nordin



Ayub Jamil